

Lawatan PM ke Arab Saudi perkukuh aktiviti keislaman

Kuala Lumpur: Lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ke Arab Saudi pada 22 hingga 24 Mac lalu, dilihat berjaya mengeratkan hubungan antarabangsa dan perdagangan, sekali gus memperkukuh aktiviti keislaman.

Timbalan Pengarah Institut Asia Eropah, Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Roy Anthony Rogers Peter Rogers, berkata tiga aspek tersebut memberi tambah nilai kepada hubungan Malaysia dan Arab Saudi, yang terjalin sejak berpuluh tahun.

"Lawatan berkenaan adalah kesinambungan kepada hubungan erat antara Malaysia dan Arab Saudi iaitu sejarah awal selepas kemerdekaan negara,

Arab Saudi adalah negara terawal mengiktiraf kemerdekaan Malaysia dan membuka kedutaan di negara ini sekitar 1961.

"Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman, juga pernah dilantik sebagai Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang pertama dan hubungan itu sudah jelas cuma lawatan kali ini dilihat memperkukuh lagi jalinan sedia ada," katanya pada program Apa Khabar Malaysia di *Bernamea TV* semalam.

Roy Anthony Rogers berkata, pemeteraian tiga memorandum persefahaman (MoU) antara syarikat swasta Malaysia dan Arab Saudi semasa lawatan itu ternyata membuka peluang penglibatan

syarikat Malaysia di Timur Tengah sekali gus menambah pelaburan negara.

Selain itu, Roy Anthony Rogers menyifatkan Malaysia dan Arab Saudi, mempunyai hubungan istimewa di bawah payung Islam, terutama membabitkan pengurusan ibadah haji dan umrah yang memerlukan kerjasama kedua-dua negara.

"Seperti diketahui, dua kota suci umat Islam terletak di Arab Saudi iaitu Makkah dan Madinah. Ini menjadikan hubungan istimewa sehingga Arab Saudi merupakan negara luar ASEAN pertama dilawati secara rasmi oleh Anwar sejak menyandang jawatan Perdana Menteri Ke-10," katanya. BERNAMA